

16/08/1997

Forum setuju nilai semula deklarasi hak asasi

BANGI, Jumaat - Forum Meja Bulat Deklarasi Hak Asasi Manusia di sini hari ini bersetuju mengenal pasti masalah yang wujud dalam Deklarasi Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi tujuan penilaian semula.

Peserta forum bertajuk 'Pandangan Dunia Tentang Hak Asasi' berkenaan juga mencapai kata sepakat bahawa deklarasi yang dibuat pada 1948 itu tidak harus dipinda, sebaliknya penilaian semula harus dibuat dalam bentuk covenant (perjanjian).

Pengerusi forum, Tan Sri Harun Hashim, berkata pihak terbabit perlu menyatakan masalah dan kelemahan deklarasi itu bagi membolehkan perubahan sesuai dibuat.

"Kita tak boleh alih apa yang diisytihar pada 1948, tapi kalau dapat ditentukan masalah yang berlaku sekarang, kita boleh menyesuaikannya dengan cara covenant.

"Ia biasa dibuat dulu, ada covenant pertama dan covenant kedua.

"Kalau ada masalah lagi kita boleh wujudkan covenant ketiga," katanya selepas forum itu.

Forum itu dianjurkan oleh Jabatan Komunikasi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan kerjasama Institut Kajian Dasar (IKD) dan Jabatan Penyiaran.

Harun yang juga bekas hakim Mahkamah Persekutuan dan kini Timbalan Dekan Kuliah Undang-undang Universiti Islam Antarabangsa (UIA) berkata, rumusan itu dihantar kepada pihak terbabit dan terserah kepada mereka untuk menentukan masalah sebenar dalam deklarasi berkenaan.

Forum setengah hari itu disertai oleh 10 anggota panel terdiri daripada ilmuan dan aktivis masyarakat termasuk Prof Dr Syed Hussein Alattas dari Pusat Pengajian Umum UKM; Abdul Rahman Adnan (IKD); Dr Syed Husin Ali (Parti Rakyat Malaysia) serta Prof Shelton Gunaratne, profesor pelawat Jabatan Komunikasi, UKM.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bulan lalu menyarankan supaya deklarasi itu dikaji semula berdasarkan ketidaksesuaiannya dengan standard pencapaian manusia sejagat sekarang.

Saranan itu mendapat sokongan Menteri Luar Asean yang bermesyuarat di sini ketika itu.

Namun, Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Madeleine Albright yang turut berada di sini, berkata negaranya menentang usaha 'mencairkan' deklarasi itu.

Sementara itu, Prof Dr Syed Hussein ketika mengemukakan hujahnya menegaskan, pihak terbabit perlu menentukan apa yang hendak dinilai semula selain kesan yang boleh berlaku jika penilaian semula itu tidak dilaksanakan.

Katanya, Malaysia wajar memainkan fungsi melaksanakan hak asasi manusia mengikut kaedah yang dinamakan falsafah Proton Saga.

"Soal melaksanakan hak asasi manusia penting kerana deklarasi PBB mengenai perkara itu mengandungi nilai sejagat dan bukannya nilai tertentu," katanya.

Ahli panel lain turut memperdebatkan sama ada perlu atau tidak penilaian semula dibuat terhadap perisytiharan itu sedangkan nilai sejagat hak asasi manusia sedia ada tidak dilaksanakan banyak negara.

Dr Syed Husin berkata, Malaysia boleh memainkan fungsi yang berkesan dalam deklarasi hak asasi manusia jika "kita membersihkan rumah kita

dahulu" kerana dengan memperbaiki rekodnya, teguran Malaysia lebih dipercayai, berkesan dan mempunyai kuasa moral yang kuat.

Abdul Rahman pula berpendapat penilaian deklarasi itu perlu terutama untuk memasukkan nilai dan pemikiran negara Asia kerana nilai yang digunakan dalam deklarasi itu bertumpu kepada pemikiran Barat.

(END)